

**HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI DENGAN MUTU
KERJA GURU-GURU PEMULIHAN KHAS SEKOLAH
RENDAH DI DAERAH
TUARAN**

ZUFAINI BIN KARIM

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
PENGANUGERAHAN SARJANA
PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2013



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI DENGAN MUTU KERJA GURU-GURU PEMULIHAN KHAS SEKOLAH RENDAH DI DAERAH TUARAN

IJAZAH : IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SAYA : ZUFAINI BIN KARIM

SESI PENGAJIAN

:2011/2013

Mengakui membenarkan tesis*** (LPSM / Sarjana / Doktor Falsafah*) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIAH RASMI 1972)**

TERHAD


(mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan.**

TIDAK TERHAD



ZUFAINI BIN KARIM

TARIKH: 1/7/2013


DR. AHMAD SULAIMAN TAWAR
DISAHKAM OLEH

TARIKH: 1/7/2013

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan

**Jika tesis ini SULIT dan TERHAD sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

***Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara Kerja Kursus dan Laporan Projek Carioca Muda (I DCRA)



PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

April 2013

PT2011 7491C

ZUFAINI BIN KARIM

PENGHARGAAN

Alhamdullilah. Syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah dan kurniaNya, walaupun terdapat segala kekurangan yang begitu mencabar, akhirnya disertasi ini telah dapat disempurnakan bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan), Universiti Malaysia Sabah.

Saya ingin merakamkan ucapan setinggi terima kasih dan penghargaan kepada penyelia saya, Dr Muhamad Suhaimi Taat Pensyarah Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah yang telah cukup bersabar untuk menasihati, membimbing dan menyelia saya sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini. Galakan berterusan beliau memberikan saya dorongan yang diperlukan untuk melengkapkan penyelidikan dan menerbitkan disertasi ini.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada para pensyarah yang telah mendidik saya sepanjang pembelajaran di sini terutamanya kepada Prof. Dr Yusof Abdullah, Prof. Haji Dr Baharom Mohamad, Dr Shukri Zain, Dr Rosy Talin, Dr Tan Choon Keong. Terima kasih atas bimbingan dan nasihat yang padu sepanjang tempoh penyiapan disertasi ini.

Tidak lupa juga kepada semua kakitangan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah yang telah memudahkan urusan tugas saya ini, serta semua rakan-rakan pelajar seperjuangan terutamanya kepada Ustaz Badru Samad, Sanaleh Daud, Sallehudin Rasimin, Paul Brietney, Desmond Teo, Halizah Nuranisa Abd Halim, Nurulizah Farid Khan, Angie Teo dan lainnya yang tidak sempat saya nyatakan. Tanpa bantuan dan sokongan anda tidak membawa saya hingga ke tahap ini dengan jayanya.

Buat keluarga tersayang dan sangat menyokong, teristimewanya kepada isteri yang sentiasa memahami Pn Suriani Binti Saini, anak-anak sebagai pembakar semangat iaitu Aleesya Dania Binti Zufaini dan Ahmad Danish Bin Zufaini, kejayaan ini adalah milik bersama juga segala tiap saat dan masa yang dikorbankan serta perhatian yang tidak tertunai sebelum ini. Juga kepada keluarga tercinta di Kampung Rampayan dan Kampung Bandulon, Menggatal, terima kasih atas dorongan dan doa kalian.

Akhirnya, penghargaan ini ditujukan kepada majikan saya Sekolah Kebangsaan Sambah Tuaran, Guru Besar saya, kepada rakan setugas saya, juga kepada Pejabat Pelajaran Daerah Tuaran, khususnya Penyelia Pendidikan Khas (Unit Pemulihan Khas) dan Jabatan Pelajaran Sabah, khususnya Sektor Pendidikan Swasta dan Pendidikan Khas yang memberikan kerjasama merealisasikan kajian ini sehingga berjaya. Semoga usaha ini diberkati Allah S.W.T dan menjadi titik tolak dalam usaha menjayakan agenda bangsa, wawasan negara dan aspirasi negara.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengukur hubungan kecerdasan emosi terhadap mutu kerja di kalangan Guru Pemulihian Khas sekolah rendah di daerah Tuaran, Sabah. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Terdapat tiga bahagian dalam borang soal selidik iaitu Bahagian A mengumpul maklumat demografi responden, Bahagian B yang diubahsuai dari '*Multifactor Emotional Intelligence Scale*' (*MEIS*) untuk mengkaji kecerdasan emosi guru dan Bahagian C yang diubahsuai dari '*Self-Assessemment Questionnaire*' untuk mengkaji mutu kerja guru. Seramai 63 orang GPK telah dijadikan sampel kajian ini. Dapatkan daripada kajian ini menunjukkan pekali kebolehpercayaan *cronbach alpha* ialah masing-masing 0.93 dan 0.88. Sampel kajian telah diambil daripada para GPK sekolah rendah daerah Tuaran. Borang soal selidik yang telah lengkap dipulangkan dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (*SPSS*) versi 20.0. Dapatkan kajian menunjukkan aras kecerdasan emosi dan mutu kerja yang tinggi selari kajian terdahulu. *Ujian-t* dan *ANOVA* Sehala menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min signifikan bagi beberapa elemen kecerdasan emosi berdasarkan faktor jantina responden. Di samping itu apabila diadakan korelasi antara satu sama lain, dimensi-dimensi kecerdasan emosi dan mutu kerja mempunyai hubung kait positif yang kuat. Ujian regresi pula menunjukkan terdapat pengaruh kecerdasan emosi bagi elemen kerjasama dan menyelesaikan konflik dengan mutu kerja yang perlu diambil perhatian. Hasil daripada kajian ini, telah mengajukan beberapa cadangan yang relevan.

ABSTRACT

This study was designed to measure the relationship between emotional intelligence on job quality among primary school teachers in the Special Remedial school in Tuaran, Sabah. This study used a survey method using questionnaires. There are three sections in the questionnaire, Section A collects demographic information, Part B, adapted from 'Multifactor Emotional Scale Intelligence' (MESI) to study teacher's emotional intelligence and Part C, adapted from "Self-Assessment Questionnaire 'to review the quality of work teacher. The teachers in the Special Remedial total of 63 samples were used in this study. Findings from this study showed Cronbach's Alpha reliability coefficient is respectively 0.93 and 0.88. The study sample was taken from the primary school teachers in the Special Remedial school in Tuaran, Sabah. Questionnaires were completed and returned analyzed using Statical Package for Social Science (SPSS) version 20.0. The results showed levels of emotional intelligence and high quality of work parallel previous studies. T-test and one way ANOVA showed that there were significant mean differences for some elements of emotional intelligence based on their gender. In addition when held correlation between each other, the dimensions of emotional intelligence and the quality of work has a strong positive correlation. Regression analysis showed that there was the influence of emotional intelligence for elements of cooperation and conflict resolution with the quality of work that should be focus. As a result of this study, has filed a number of relevant recommendations.



KANDUNGAN

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI SIMBOL	xv
SENARAI SIINGKATAN	xvi
 BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	13
1.4 Objektif Kajian	19
1.5 Persoalan Kajian	20
1.6 Hipotesis Kajian	21
1.7 Kepentingan Kajian	23
1.8 Batasan Kajian	24
1.9 Definisi Operasi	24
1.10 Kerangka Konseptual Kajian	29

1.11	Penutup	31
------	---------	----

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	32
2.2	Kerangka Teoritikal Kajian	32
2.2.1	Teori Kecerdasan Emosi Golemen (1999)	32
2.2.2	Teori Kecerdasan Pelbagai	32
2.2.3	Teori Kecerdasan Kejayaan	36
2.2.4	Sistem Pembelajaran Emosi	37
2.2.5	Model Kecerdasan Emosi Golemen (2002)	40
2.2.6	Model Mayer Dan Salovey	42
2.2.7	Teori Mutu Kerja	43
i.	Teori Pengurusan Menyeluruh	43
ii.	Teori Keperluan Maslow	47
iii.	Teori Ekuiti Adams	49
2.3	Kajian Lepas	51
2.4	Penutup	56

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	57
3.2	Reka Bentuk Kajian	57
3.3	Populasi dan Sampel	59
3.4	Pembolehubah	61
3.5	Instrumen Kajian	61
3.5.1	Bahagian A	62

3.5.2	Bahagian B	63
3.5.3	Bahagian C	63
3.6	Kajian Rintis	64
3.7	Prosedur Kajian	66
3.8	Penganalisisan Data	66
3.9	Penutup	70

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	71
4.1	Maklumat Responden	
4.1.1	Responden Mengikut Jantina	72
4.1.2	Taburan Responden Mengikut Umur	
4.2	Ujian Kenormalan Data	73
4.3	Min Kecerdasan Emosi dan Mutu Kerja	74
4.3.1	Min Kecerdasan Emosi Guru-Guru Pemulihan Khas Sekolah Rendah di Daerah Tuaran	74
4.3.2	Min Mutu Kerja Guru-Guru Pemulihan Khas Sekolah Rendah di Daerah Tuaran	76
4.4	Perbezaan Min Kecerdasan Emosi dengan Faktor Demografi	77
4.5	Hubungan antara Kecerdasan Emosi dengan Mutu Kerja	83
4.6	Pengaruh Kecerdasan Emosi dengan Mutu Kerja	89
4.7	Ringkasan Dapatan Kajian	91
4.8	Rumusan	94

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	95
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	96

5.2.1	Objektif Pertama	96
5.2.2	Objektif Kedua	96
5.2.3	Objektif Ketiga	96
5.2.4	Objektif Keempat	98
5.2.5	Objektif Kelima	99
5.3	Perbincangan Dapatan kajian	100
5.3.1	Aras Kecerdasan Emosi Guru-Guru Pemulihan Khas Sekolah Rendah Di Daerah Tuaran	
5.3.2	Aras Mutu Kerja Guru-Guru Pemulihan Khas Sekolah Rendah Di Daerah Tuaran	
5.3.3	Aras kecerdasan Emosi Guru Pemulihan Khas Daerah Tuaran Dengan Faktor Jantina	
5.3.4	Hubungan antara Kecerdasan Emosi dengan Mutu Kerja Guru Pemulihan Khas Daerah Tuaran	
5.3.5	Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Mutu Kerja	
5.4	Implikasi Kajian	105
5.4.1	Implikasi terhadap Teori	
5.4.2	Implikasi terhadap Penyelidikan	
5.5	Cadangan	10
5.5.1	Cadangan Kajian akan datang	
5.6	Penutup	108
BIBLIOGRAFI		109
LAMPIRAN		

SENARAI RAJAH

Rajah

- 1 Kerangka Konseptual Kajian**
- 2 Model Kecerdasan Emosi oleh Goleman (2002)**



SENARAI JADUAL

Jadual

- 1.1 Perbezaan murid pemulihan khas dengan murid arus Perdana
- 1.2 Laporan Pemantauan Program Pemulihan Khas Daerah Tuaran (Suku Pertama) 2012
- 1.3 Laporan Pemantauan Program Pemulihan Khas Daerah Tuaran (Suku Kedua) 2011
- 3.1 Pembahagian Item Kecerdasan Emosi Berdasarkan Dimensi
- 3.2 Kebolehpercayaan Kajian Rintis Bagi Kecerdasan Emosi
- 3.3 Kebolehpercayaan Kajian Rintis Bagi Item Mutu Kerja
- 3.4 Jadual Tafsiran Pekali Korelasi
- 3.5 Rumusan Kaedah Penganalisisan Data Bagi Setiap Objektif
- 4.1 Bilangan Responden Mengikut Jantina
- 4.2 Bilangan Responden Perempuan Mengikut Umur
- 4.3 Bilangan Responden Lelaki Mengikut Umur
- 4.4 Ujian Normaliti Bagi Mutu Kerja dan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Kepencongan (*Skewness*) dan *Kurtosis*
- 4.5 Bilangan ,min dan Sisihan Piawai Kecerdasan Emosi Guru
- 4.6 Skala Skor Min dan Tahap
- 4.7 Bilangan , min dan Sisihan Piawai Mutu Kerja Guru
- 4.8 Perbandingan Tahap Kecerdasan Emosi Bagi Elemen Kesedaran Kendiri Guru Mengikut Jantina

- 4.9 Perbandingan Tahap Kecerdasan Emosi Bagi Elemen Mengendalikan Emosi Guru Mengikut Jantina
- 4.10 Perbandingan Tahap Kecerdasan Emosi Bagi Elemen Empati Guru Mengikut Jantina
- 4.11 Perbandingan Tahap Kecerdasan Emosi Guru Bagi Elemen Berhubung Mengikut Jantina
- 4.12 Perbandingan Tahap Kecerdasan Emosi Guru Bagi Elemen Kerjasama Mengikut Jantina
- 4.13 Perbandingan Tahap Kecerdasan Emosi Guru Bagi Elemen Menyelesaikan Konflik Mengikut Jantina
- 4.14 Hubungan Di Antara Kecerdasan Emosi Bagi Elemen Kesedaran Kendiri Guru Dengan Mutu Kerja Guru
- 4.15 Hubungan Di Antara Kecerdasan Emosi Bagi Elemen Mengendalikan Emosi Guru Dengan Mutu Kerja Guru
- 4.16 Hubungan Di Antara Kecerdasan Emosi Bagi Elemen Empati Guru Dengan Mutu Kerja Guru
- 4.17 Hubungan Di Antara Kecerdasan Emosi Bagi Elemen Berhubung Guru Dengan Mutu Kerja Guru
- 4.18 Hubungan Di Antara Kecerdasan Emosi Bagi Elemen Kerjasama Guru Dengan Mutu Kerja Guru
- 4.19 Hubungan Di Antara Kecerdasan Emosi Bagi Elemen Menyelesaikan Konflik Guru Dengan Mutu Kerja Guru
- 4.20 Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Mutu Keja
- 4.21 Rumusan Pengaruh Mengikut Model
- 4.22 Ringkasan Dapatan Kajian

SENARAI SIMBOL

- | | | |
|---|---|-------------|
| > | = | lebih besar |
| < | = | lebih kecil |
| = | = | sama dengan |



SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analisis Of Variance</i>
BPG	Bahagian pendidikan Guru
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
EQ	<i>Emotion Quatation</i>
GPK	Guru Pemulihian Khas
IQ	<i>Intelect Quatation</i>
JPANS	Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah
KE	Kecerdasan Emosi
KI	Kecerdasan Intelek
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MEIS	<i>Multifactor Emotional Intelligence Scale</i>
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
RTS	<i>Reactions to Teaching Situtations</i>
SAQ	<i>Self-Assessment Questionnaire</i>
SPPS	Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial
SPSS	<i>Statistical package for Social Science</i>
TQM	<i>Total Quality Management</i>
3M	Membaca, Menulis dan Mengira
5S	Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa amal

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dewasa ini, kecerdasan emosi semakin diberi perhatian dalam dunia pendidikan dan antaranya adalah sebagai usaha untuk meningkatkan pencapaian individu dalam apa jua bidang yang diceburi. Kebelakangan ini, banyak kajian berkaitan kecerdasan emosi dilakukan dan bertujuan untuk mencapai kejayaan dan kebahagiaan dalam kehidupan. Namun sejak dahulu lagi, ramai yang beranggapan bahawa individu yang mempunyai kecerdasan intelek (KI) yang tinggi adalah mempunyai masa depan yang baik dibandingkan dengan yang lain.

Kecerdasan emosi (KE) adalah berbeza dengan kecerdasan intelek seseorang. Goleman (1995), menyatakan bahawa kejayaan seseorang individu, secara keseluruhnya sebanyak 20% bergantung pada tahap Kecerdasan Intelektual (IQ), manakala sebanyak 80% bergantung kepada keberkesanannya seseorang mengurus dan mengawal emosi (EQ). Kecemerlangan akademik memainkan peranan untuk mendapatkan sesuatu pekerjaan tetapi ia juga tidak menjamin seseorang itu dapat menunjukkan prestasi kerja yang baik.

Dzull Zabarrod (2009), menyatakan kecerdasan emosi adalah keupayaan untuk mengesan, memahami dan menggunakan kuasa ketajaman fikiran emosi sebagai sumber tenaga, maklumat dan pengaruh dengan lebih efektif. Hal ini bermula dari dalam diri manusia iaitu hati dan bukanlah dari pengetahuan. Ia juga menuntut manusia untuk belajar mengetahui dan menilai perasaan sendiri dan orang lain agar dapat memberi tindak balas yang baik kepada situasi tersebut.

Bradberry dan Greaves (2009) Kecerdasan emosi adalah keupayaan anda untuk mengenalpasti dan memahami emosi dalam diri sendiri dan orang lain, dan keupayaan anda untuk menggunakan kesedaran ini untuk menguruskan tingkah laku dan perhubungan. Kecerdasan emosi adalah "sesuatu" dalam setiap daripada kita yang tidak ketara. Ia memberi kesan bagaimana kita mengurus tingkah laku, menyelesaikan masalah sosial, dan membuat keputusan peribadi yang akhirnya mencapai hasil yang positif.

Memahami kecerdasan emosi mungkin penting terutamanya untuk pelbagai bidang, termasuk psikologi, klinikal, pendidikan, dan industri-organisasi (Goleman, 1995). Bidang kecerdasan emosi adalah diperlukan di sekolah untuk mengajar kanak-kanak dalam kecekapan emosi, serta dalam kurikulum akademik (Matthews *et al.*, 2012) Kanak-kanak perlu memahami dan mengawal emosi mereka seperti perasaan empati dengan orang lain.

Oleh yang demikian, warga pendidikan pada masa kini mempunyai tanggungjawab yang besar yang harus digalas dalam usaha melahirkan para pelapis negara yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial ke arah merealisasikan wawasan negara maju menjelang tahun 2020. Hal ini terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002) yang memberi penekanan kepada aspek kecerdasan emosi sebagai salah satu potensi individu yang ingin dikembangkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Jesteru itu, keadaan ini menuntut para pendidik, khasnya Guru Pemulih Khas supaya menyiapkan diri dengan pelbagai kemahiran yang dapat membantu menghadapi cabaran dalam era pendidikan kini yang penuh cabaran.

Para GPK sepatutnya mempunyai daya ketahanan yang tinggi apabila menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik anak bangsa, perkara yang perlu diberi penekanan ialah keupayaan penguasaan tahap kecerdasan emosi yang tinggi

bagi menghasilkan mutu kerja yang berkualiti semasa perkhidmatan yang dicurahkan. Hal ini sebenarnya selari dengan hasil kajian yang dijalankan oleh (Mohd. Najib *et al.*, 2002) yang telah mengesahkan berkenaan kepentingan kecerdasan emosi (EQ) yang tinggi dalam kalangan guru-guru. Hasil daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa kecerdasan emosi dalam kalangan guru-guru adalah amat penting dalam melaksanakan proses pembelajaran dengan pelajar supaya pendidikan menjadi lebih efektif.

Tahap kecerdasan emosi seseorang mampu mempengaruhi pemikiran dan langkah yang diambil. Para GPK mestilah memahami tahap kecerdasan emosi diri kerana ini akan membantu meningkatkan mutu perkhidmatan yang dicurahkan. Justeru itu, kajian ini diadakan untuk mengenalpasti apakah tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru-guru pemulihan khas. Elemen-elemen dalam kecerdasan emosi yang dikaji seperti kesedaran kendiri, mengendalikan emosi, empati, berhubung, kerjasama dan menyelesaikan konflik.

Dalam pada itu, selain usaha melahirkan para GPK yang profesional dan berkaliber, mutu kerja telah diambil perhatian yang sepatutnya. Mutu kerja berkait rapat dengan kualiti dan kepuasan kerja. Mutu kerja boleh dilihat seperti dalam kehadiran, penglibatan, tanggungjawab dan usaha dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Kecerdasan Emosi

Kecerdasan emosi GPK yang tinggi membantu meningkatkan mutu kerja mereka terutamanya dalam pelaksanaan program pemulihan khas di sekolah. Kejayaan pelaksanaan program pemulihan khas di sesebuah sekolah boleh dilihat dan dinilai daripada jumlah murid yang telah menguasai kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.

Mengetahui, memahami dan mengawal kecerdasan emosi membantu kejayaan pelaksanaan program pemulihan khas. Berdasarkan Instrumen Pemantauan Program Pendidikan Pemulihan Khas, Unit Pendidikan Pemulihan Khas, Sektor Pendidikan Swasta dan Pendidikan Khas, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah menetapkan Bahagian C untuk Pengurusan bilik darjah pemulihan khas melibatkan pengurusan ruang-ruang pembelajaran seperti Ruang Bahasa Melayu, Ruang Matematik, Ruang Kinestatik, Ruang Pengamatan, Ruang Hasil Kerja Murid, dan ruang-ruang lain. Pengurusan bilik darjah juga melibatkan amalan 5S iaitu sisih, susun, sapu, seragam dan sentiasa amal. Oleh itu, dalam mendepani keadaan yang mencabar ini memerlukan para guru mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi untuk menghasilkan mutu kerja yang berkualiti dan seterusnya mampu melaksanakan program pemulihan khas dengan berkesan.

Jabatan Pendidikan Khas (1999) mengatakan kemudahan fizikal: Sebuah bilik khas perlu disediakan bagi menjalankan Program Pemulihan Khas. Murid yang akan mengikuti program pemulihan khas perlu dibawa ke kelas pemulihan khas untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran pemulihan daripada guru pemulihan khas. Kemudahan bilik darjah untuk kelas Pemulihan Khas adalah berdasarkan pendekatan yang berikut:

- i. Sekolah-sekolah yang dibekalkan dengan kemudahan sebuah bilik darjah dengan keluasan 'tiga bay' khusus untuk kelas Pemulihan Khas sebagaimana dalam pelan asal dan surat penyerahan bangunan perlu dikekalkan sebagai "Kelas Pemulihan Khas".
- ii. Sekolah-sekolah yang tiada kemudahan seperti dalam perkara (i) di atas hendaklah mengusahakan ruang sekurang-kurangnya dengan keluasan dua "bay" atau dengan keluasan dua pertiga keluasan bilik darjah biasa.

Berdasarkan pernyataan di atas menggambarkan program pendidikan pemulihan khas dijalankan dalam kelas khas dan diurus oleh guru yang khas. GPK perlu menyediakan kelas pemulihan yang kondusif dan sesuai dengan murid-murid pemulihan khas. Sebagaimana dalam Instrumen Pemantauan Program Pendidikan Pemulihan Khas, Jabatan Pelajaran Sabah menetapkan beberapa ruang-ruang pembelajaran yang perlu disediakan seperti Ruang Bahasa Melayu, Ruang Matematik, Ruang Kinestatik, Ruang Pengamatan, Ruang Hasil Kerja Murid dan ruang-ruang lain. Namun laporan hasil pemantauan oleh Pegawai Pemulihan Khas Daerah dan Negeri menunjukkan keadaan yang kurang menyenangkan. Terdapat program pemulihan khas yang dilaksanakan tidak mengikuti garis panduan yang disarankan oleh Jabatan Pendidikan Khas. Hal ini terjadi disebabkan beberapa isu yang telah dikenalpasti, antaranya sikap sambil lewa GPK itu sendiri, masalah pentadbiran sekolah seperti Guru Besar yang tidak mementingkan program pemulihan disekolahnya, masalah fizikal bangunan pemulihan khas, masalah GPK dengan rakan sekerja dan ibu bapa pelajar.

Peranan utama GPK di sekolah ialah memastikan pelaksanaan program pemulihan khas dijalankan dengan betul dan berkesan. Namun terdapat beberapa cabaran yang menganggu kelancaran program pemulihan khas. Selain memikul tanggungjawab sebagai guru khas pemulihan, GPK seringkali dibebani tugas-tugas lain oleh pihak pengurusan sekolah, antaranya memegang tugas sebagai guru

disiplin, tugas-tugas khas, setiausaha sekolah dan sebagainya. Ini menyebabkan GPK rasa serba salah untuk menerima dan menolak tugas tersebut dan kesannya GPK sukar untuk memberi tumpuan kepada kerja utamanya di sekolah.

Faedah kecerdasan emosi terhadap kerjaya seseorang telah disahkan dengan pernyataan yang dikemukakan oleh Goleman (1999), yang menyatakan bahawa kecerdasan emosi adalah merupakan satu trait yang diperlukan oleh seseorang untuk berjaya dalam kerjaya. Ianya berkait rapat dengan nilai yang dipegang oleh seseorang dan boleh memberikan kesan ke atas prestasi individu tersebut. Aspek kecerdasan emosi seperti sifat sabar apabila menghadapi masalah dan halangan, mempunyai keyakinan diri, bermotivasi untuk mencapai matlamat, keberkesanan kerja berpasukan, mempunyai kemahiran untuk menangani konflik dan potensi kepimpinan sangat diperlukan dalam melepassi cabaran-cabaran dalam era dunia globalisasi ini.

Jabatan Pendidikan Khas (1999) ada menyatakan tentang tugas dan tanggungjawab Guru Pemulihan Khas seperti berikut :

- i. Menjalankan kerja-kerja pemulihan khusus untuk murid-murid lemah atau lambat yang terpilih dari tahun 1 hingga tahun 6. Keutamaan hendaklah diberikan kepada murid-guru murid dalam tahun 1, 2 dan 3.
- ii. Membantu guru-guru lain dalam hal-hal berikut:
 - a. Mengenal pasti murid-murid yang bermasalah menguasai kemahiran asas 3M
 - b. Merancang dan menyediakan aktiviti-aktiviti dan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Berjumpa dan berbincang dengan sama ada guru asas, ibu bapa murid, pegawai perubatan, pegawai kebajikan, atau pihak-pihak lain yang berkenaan untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang latar belakang dan biodata murid-

- murid yang belum menguasai kemahiran asas 3M yang telah dicalonkan untuk mengikuti program pemulihan khas.
- iv. Melaksanakan penilaian berterusan terhadap kemajuan murid-murid kelas pemulihan khas dan merekodkan:
 - a. Kemajuan murid
 - b. Latar belakang murid
 - c. Laporan kesihatansil-
 - d. Hasil temubual dan rujukan
 - v. Menyediakan fail diri setiap murid pemulihan yang mengandungi:
 - a. Borang Pencalonan
 - b. Borang Latar Belakang Murid Pemulihan
 - c. Borang Pengumpulan Maklumat
 - d. Ujian Saringan dan Diagnostik
 - e. Lembaran Kerj
 - f. Hasil-hasil penilaian yang dijalankan
 - g. Maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan murid pemulihan.
 - vi. Menjadi ahli Jawatankuasa Pendidikan Khas Sekolah
 - vii. Menjadi setiausaha ah Jawatankuasa Program Pemulihan Khas
 - viii. Menjadi ahli Jawatankuasa Kurikulum Sekolah

Jadual 1.1 Perbezaan murid pemulihan khas dengan murid arus perdana

Aspek	Pemulihan	Arus perdana
Emosi	<ul style="list-style-type: none"> -Perasaan rendah diri -Perasaan risau -Perasaan sedih, hiba atau duka -Perasaan cepat bosan atau jemu terhadap pelajaran -Perasaan takut akan perkara-perkara baru -Degil,tidak patuh pada peraturan-peraturan dan suka melawan. -Pasif -Malas 	<ul style="list-style-type: none"> -Boleh mengawal perasaan -Berkeyakinan tinggi -Berani/seronok mencuba perkara-perkara baru -Mendengar kata dan patuh kepada peraturan -Aktif -Rajin/Proaktif
Sosial	<ul style="list-style-type: none"> -Gelisah dan selalu bergerak di dalam kelas serta mengganggu kawan-kawan. -Lemah / kurang interaksi dengan rakan -Gemar menghisap atau menggigit kuku -Selalu tidak hadir ke sekolah dengan berbagai-bagai alasan -Menangis – enggan masuk darjah -Hyper aktif 	<ul style="list-style-type: none"> -Boleh duduk secara statik dan tidak mengganggu orang lain. -Selalu berinteraksi dengan rakan sebaya. -Seronok datang ke sekolah. -Suka bercakap/berucap di khalayak ramai

Sumber = <http://blogpemulihanbm.blogspot.com/2012/04/perbezaan-antara-murid-pemulihan-khas.html>

BIBLIOGRAFI

- Ainon Mohd, Abdullah Hassan. 2005. *Berfikir Seperti Inventor*. Bentong, Pahang: Millennia Sdn. Bhd.
- Ariffin Zainal. 1985. *Psikologi dan Beberapa Aspek Kehidupan Rohaniyah Manusia*. Jakarta.
- A. Aamodt, E. Plaza. 1994. *Case-Based Reasoning: Foundational Issues, Methodological Variations, and System Approaches*. AI Communications. IOS Press, Vol. 7: 1, pp. 39 59.
- Ab Aziz Yusof. 2003. *Mengurus Pasukan Kerja Prestasi Tinggi*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Abdul Rahim Abdul Rashid. 2002. *Pengajaran dan Pembelajaran Sains Sosial, Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Zaharuddin Idrus (eds.). 2001. *Kecemerlangan Menerusi Kreativiti: Trasformasi & Cabaran UTM*. Skudai: Penerbit UTM.
- Baharuddin Aris & Mohd b. Bilal Ali. 1995. *Pendekatan Alternatif Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik*. Kertas yang dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Pendidikan Matematik Ke 4. Kuantan: BPG.
- Boon, P.Y. dan Ragbir Kaur. 1998. *Psikologi 2*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Bruce Joyce, Marsha Weil. 2000. *Model of Teaching*. Boston : Allyn and Bacon.

Brian K. Williams, Stacey Sawyer. 2010. *Using Information Technology, Eighth Edition*. New York, America: Mc Graw Hill International.

Brian K. Williams, Stacey Sawyer. 2011. *Using Information Technology, Eighth Edition*. New York, America: Mc Graw Hill International.

Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: Mc.Graw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd

Cropley, A. J. 2001. *Creativity in Education and Learning a guide for Teachers and Educators*. London: Kogan Page Limited

Dr. Azlena Zainal dan Dr. Munir Shuib. 2007. *Meningkatkan potensi minda*. Kuala Lumpur: PTS Profesional

Dr. Eleni Sefertzi. 2000. *Creativity*. Westview

Daniel Goleman, Richard Boyatzis, Annie Mc Kee. 2004. *Primal Leadership, Learning To Lead With Emotional Intelligence*. United States of America: Harvard Business School Press.

Dale H. Besterfield, Carol Besterfield - Michna, Glen H. Besterfield, Mary Besterfield - Scare. 2003. *Total Quality Management, Third Edition*. United States of America: Pearson Education Malaysia Pte. Ltd.

Dzull Zabarrod Ahmad. 2009. *Kecerdasan Emosi*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang.

Dr. Faridah Abu Hassan, Dr. Naimah Ishak, Dr. Hamidah Yusof dan Dr. Habibah Abdul Rahim. 2005. *Kemiskinan Dan Pendidikan: Perubahan Minda Orang Melayu Ke Arah Kecemerlangan Pendidikan Akademik*. Jurnal Penyelidikan

Pendidikan. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia

E.C. Wragg. 1997. *Keterampilan mengajar di sekolah dasar*. Indonesia, Jakarta: PT Gramedia Widiasarana.

Gardner, H. 1993. *Multiple Intelligence : The theory in practice*. New York: Basic Books.

Gardner, White Blythe. 1992. *Multiple Modalities of Learning (Multiple Intelligences)*. USA: CORD Communications, Inc.

Haji Abdul Fatah Hasan. 1998. *Pemikiran Keseluruhan Otak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd.

Hasan Langgulung. 1997. *Kreativiti & Pendidikan : Suatu Kajian Psikologi & Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Edward de Bono. 2001. *Pemikiran Praktikal Membincangkan Cara-Cara Praktikal Bagi Pemikiran Yang Betul*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn.Bhd.

Gerald Matthews, Moshe Zeidner, Richard D. Roberts. 2012. *Emotional Intelligence 101*. New York: Springer Publishing Company.

Hasibuan Herman. 1990. *Menilai Kualiti Item, Kebolehpercayaan dan Kesahan Alat Ukuran Nilai Kerja. Psikologi dan Budaya Kerja di Malaysia*. Bangi: Persatuan Psikologi Malaysia.

James R. Evans. 1991. *Berfikir Kreatif Dalam Pengambilan Keputusan Dan Manajemen*. South-Western Publishing Co.

Jamaludin Ibrahim. 1989. *Pengajaran Berbantukan Komputer Berkepintaran: Implikasi Kepada Pengajaran dan Pembelajaran*. Proceedings of the National Symposium on Educational Computing. USM : MCCE.

Jamaluddin Harun dan Zainuddin Tasir. 2003. *Multimedia Dalam Pendidikan*. Bentong: PTS Publication.

Janet, L. M. 1988. *Integrating spreadsheets into the mathematics classroom. Mathematics Teacher*, 81(8), 615 – 622.

Jonassen. 1996. *Computer in the classroom : Mindtools for critical thinking*. New Jersey: Prentice Hall.

Joel E. Ross. 1994. *Total Kualiti Management, Second Edition*. USA: Kogan Page Ltd.

John West - Burnham. 2009. *Mengurus Kualiti Di Sekolah*. Kuala Lumpur: Institusi Terjemahan Malaysia.

Joseph Ciarrochi, John D. Mayer. 2007. *Applying Emotional Intelligence*. Great Britain: Psychology Press.

Khalim Zainal, Abdul Salam Yussof, Zahara Hassan. 2009. *Kepimpinan*. Selangor: Pusat Pengajian Umum, UKM.

Lay Yoon Fah, Khoo Chwee Hoon. 2011. *Pengenalan Kepada Pendekatan - Pendekatan Kuantitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Sabah.

Nadja Reissland. 2012. *The Development of Emotional Intelligence, A Case Study*. New York USA: Routledge Taylor and Francis Group.

Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan Dalam pendidikan*. Malaysia: Mc Graw-Hill Education.

Travis Bradberry, Jean Greaves. 2009. *Emotional Intelligence 2.0*. San Diego, Canada: Talent Smart.

Hussein Hj. Ahmad. 1993. *Pendidikan Dan Masyarakat : Antara Dasar, Reformasi Dan Wawasan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kamarudin Hj. Kachar. 1989. *Pendidikan Dan Masyarakat*. Kuala Lumpur : Teks Publishing Sdn. Bhd. & Penerbit ASAS Sdn.Bhd.

Kamarudin Hj. Husin Dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. 2004. *Pedagogi Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur : Kayazano Enterprise.

Mohd. Majid Konting .2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Rahmad Sukor Ab. Samad dan Shahrir Jamaluddin. 2005. *Peranan Kepimpinan Guru Dalam Mempengaruhi Iklim Bilik Darjah*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Sheikh Othman Bin Sheikh Salim. 1994. *Kamus Dewan Edisi Baru Cetakan Kelima*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

T. Subahan Mohd. Meerah, Rohaty Mohd Majzud dan Ahmad Jaffni Hassan. 1999. *Pembangunan Sumber Manusia*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Zainura Bt Wan Yusof. 2008. *Pengaruh Sistem Penasihatuan Akademik Terhadap Tahap Pencapaian Akademik Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.

Isaksen, S. G. .1987. *Frontiers of Creativity Research Beyond the Basic*. NewYork: Bearly Limited.

KPM. 1997. *Sekolah Bestari Di Malaysia: Suatu Lonjakan Saujana*. Kuala Lumpur.

Lee, M.N.N. 2002. *Educational Change in Malaysia*. Pulau Pinang: Sekolah Kajian Pendidikan Universiti Sains Malaysia.

Leonard M S Yong. 1993. *Kreativiti ke arah Pembentukan Masyarakat Kreatif*. Kuala Lumpur: Areana buku Sdn. Bhd.

Leonard MS Yong dan Karen L. Biraimah. 1996. *Guru Kreatif: Isu-isu Teoritikal & Aplikasi Praktikal*. Kuala Lumpur: Arena buku Sdn. Bhd.

Maimunah Aminuddin. 2003. *Asas Pengurusan Sumber Manusia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Michalko M. 1994. *Thinkpak: A Brainstorming Card Deck*. Berkeley, California: Ten Speed Press.

Michalko, Michael. 2006. *Thinkertoys: A Handbook of Creative-Thinking Techniques*, Second Edition. Toronto: Ten Speed Press.

Mohamad Mohsin Mohamad Said dan Nasruddin Yunos. 2008. *Peranan guru dalam memupuk kreativiti pelajar*, Jurnal Pengajaran Umum Bil. 9. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Azhar Abd. Hamid. 2001. *Kritis dan Kreatif*. Johor: UTM.

Mohd. Azhar Abd. Hamid, Othman A. Kassim dan Mohammed Fauzi Othman. 2005. *Cipta Idea Baru: Teknik Praktikal Menghasilkan Idea Kreatif dan Inovatif*. Pahang: PTS Publications.

Mohd. Azhar Abd. Hamid. 200). *Pengenalan Pemikiran Kritis dan Kreatif*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Shuhaimi bin Embong. (1992). *Gerakan pelajar : Kepimpinan, pengurusan dan cabaran*. Pustaka Generasi Baru.

Mohd Azhar Abdul Hamid & Othman Abdul Kassim. 2004. *Pemurnian Kreativiti dalam Pendidikan Prasekolah sebagai Asas Pembinaan Bangsa Malaysia yang Kreatif: Suatu Kupasan Awal*. Jurnal Kemanusiaan.

Mohd. Azhar Abd. Hamid, Zainudin Hassan, Esa Khalid dan Othman Abu Kassim. 2003. *Pendidik Kreatif Sebagai Teras Transformasi Literasi Kreatif Di Malaysia*, Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan, 19-21 October 2003, Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru. (Tidak diterbitkan)

Morgan, S., & Forster, J. 1999. *Creativity in the classroom*. Gifted Education International, 14 (1), 29-43.

M. Tim Jones. 1996. *Artificial Intelligence: A System Approach*. New York: Jones and Bartlett Publisher.

Razlina Bt Jamaludin. 2012. *Kecerdasan Emosi dan Efikasi Kendiri Guru Di Maktab Rendah Sains Mara*. UMS : SPPS.

Rickards, T. 1990. *Creativity and Problem Solving at Work*. London: Galliard Ltd.

Rosinah binti Mahmood dan Azlina binti Abdul Aziz. 2008. *Cara Mengajar di Kalangan Pelajar KPLI dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Kreatif atau Konstruktif*. Maktab Perguruan Ilmu Khas.

- Siew Heng Loke, Abu Talib Putih, Lee Siew Eng, Sandiyao Sebastian, Adelina Asmawi. 2005. *Pedagogi Merentas Kurikulum*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Siti Zabidah Bt. Mohamed. 2006. *Kesan Pendekatan Penyebatan Kemahiran Berfikir Kreatif Dalam Pengajaran Karangan Diskriptif & Karangan Imaginatif Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan IV*. Universiti Sains Malaysia.
- Soekamto, Toeti dan Udin Saripudin Winataputra. 1997. *Teori Belajar dan Model-model Pembelajaran*. Jakarta: Dikti. Depdiknas.
- Sonia Blandford. 2008. *Mengurus Pembangunan Professional di Sekolah*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Sulaiman Hashim. 1996. *Jaringan Pendidikan*. Proceedings of the National Symposium on Educational Computing. USM : MCCE.
- Torrance, E. P. 1973. *Creative Learning and Teaching*. New York: Dodd Mead.
- Wan Mohd Zahid Wan Mohd Noordin. 1997. *Sekolah Bestari Di Malaysia: Hala Tuju Ke Masa Depan*. Kuala Lumpur: KPM.
- Young, J.G. 1999. *What is creativity*. Journal of Creative Behavior, 19 (2), 71-87.